



13 JUL, 2024

## 1,000 tan Musang King dieksport ke China Oktober depan

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

### 1,000 tan Musang King dieksport ke China Oktober depan

**Larut:** Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi berkata, 500 hingga 1,000 metrik tan durian segar premium khususnya varieti Musang King dieksport ke China pada Oktober ini.

Katanya, bekalan durian dieksport itu dilaksanakan melalui 52 pusat pemprosesan dan pembungkusan milik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di seluruh negara.

“Jangkaan kami Oktober (eksport) namun semuanya bergantung kepada kecepatan atau gerak kerja serta kelulusan dari Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) untuk proses berkenaan.

“Hasil bekalan durian premium ini diperoleh daripada pekebun berdaftar di bawah jabatan pertanian serta ada Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP),” katanya selepas Program Sesi Libat Urus Bersama Pengusaha Durian Bagi Pasaran China di sini kelmarin.

Pada 1 Julai lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan pihaknya dalam proses memuktamadkan format Sijil Fitosanitari bersama Jabatan Pertadbiran Am Kastam China (GACC) bagi kelulusan eksport durian segar dari Malaysia ke republik itu.



13 JUL, 2024

## 1,000 tan Musang King dieksport ke China Oktober depan

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Larut: Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi berkata, 500 hingga 1,000 metrik tan durian segar premium khususnya varieti Musang King dieksport ke China pada Oktober ini. Katanya, bekalan durian dieksport itu dilaksanakan melalui 52 pusat pemrosesan dan pembungkusan milik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di seluruh negara. “Jangkaan kami Oktober (eksport) namun semuanya bergantung kepada kecepatan atau gerak kerja serta kelulusan dari Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) untuk proses berkenaan.